

APLIKASI WAKAF4US SEBAGAI MEDIUM INFORMASI MAKLUMAT DAN AKTIVITI WAKAF KONTEMPORARI

AHLI PENYELIDIK

MOHAMAD KHAIRUL IZWAN RIFIN
AFIFFUDIN MOHAMMED NOOR
NOOR AZNAIM ABD LATIB
NADIAH RAMLAN
FADZIANI YAAKUB
SITI SARAH IZHAM
SHAHIRAH SAID

ABSTRAK

Penggunaan teknologi mudah alih sebagai medium penyampaian informasi dan ilmu pengetahuan sememangnya tidak boleh disangkal lagi. Lonjakan penggunaan teknologi komunikasi dilihat semakin meningkat terutamanya ketika dunia dilanda pandemik Covid-19. Justeru, pengkaji akan membina aplikasi digital yang berupaya untuk mengumpulkan semua maklumat terkini berkaitan aktiviti wakaf di Malaysia, samada berbentuk informasi, isu semasa penyelidikan dan tatacara prosedur wakaf. Aplikasi yang dinamakan sebagai Wakaf4Us ini dibangunkan melalui pengisian mudah alih Google Playstore Android. Keistimewaan Wakaf4Us ialah mesra pengguna kerana pengguna memperoleh info berkaitan wakaf hanya dalam Wakaf4Us sahaja tanpa perlu merujuk kepada pelbagai website di laman sesawang. Informasi wakaf yang komprehensif dapat memberi kefahaman kepada pengguna berkenaan aktiviti wakaf sekaligus dapat menggalakkan dan memudahkan pengguna menyumbangkan bagi pembangunan projek-projek wakaf yang dibangunkan di seluruh Malaysia. Oleh itu, dengan aplikasi Wakaf4Us ini diyakini mampu merancakkan lagi aktiviti wakaf kontemporari yang semakin menjadi perhatian seluruh umat Islam dan juga masyarakat setempat. Tambahan lagi, aplikasi yang dibina ini hanya menggunakan kos yang sangat ekonomi yang sudah tentu dapat mematuhi segala kehendak dan prinsip syariah semasa.

METODOLOGI

Kajian untuk membangunkan aplikasi ini dibina menggunakan Metodologi Pembangunan Berperingkat (Incremental Development), dimulakan dengan aktiviti perancangan awal iaitu membina satu aplikasi yang dinamakan Wakaf4Us.


Dalam fasa pembinaan aplikasi ini, terdapat beberapa peringkat untuk pelaksanaan:

Peringkat 1- Kajian keperluan (Pengetahuan dan Kefahaman masyarakat terhadap wakaf).

Peringkat 2- Analisis dan Reka bentuk (Terminologi wakaf, Pembahagian wakaf, institusi wakaf yang terlibat samada dalam atau luar negara dan Penyelidikan wakaf kontemporari.

Peringkat 3- Membangunkan aplikasi Wakaf4Us di dalam perisian Google Playstore Android.


Peringkat 4 dan 5- Menguji dan menilai keberkesanan aplikasi Wakaf4Us. Walaubagaimanapun, kajian terhadap aplikasi ini adalah diperingkat awal dan tidak memerlukan kepada proses dalam peringkat ini.



OBJKTIF

1) Membina aplikasi Wakaf4Us untuk memberi kemudahan dan pengetahuan kepada masyarakat umum serta penyelidik berkaitan aktiviti wakaf kontemporari

2) Menilai keberkesanan aplikasi Wakaf4Us sebagai medium informasi maklumat dan aktiviti wakaf kontemporari



KESIMPULAN

Penggunaan aplikasi Wakaf4Us yang bersifat multimedia interaktif diharapkan dapat melestarikan aktiviti wakaf kontemporari kepada penyelidik dan masyarakat di Malaysia.



wakaf4us
SUSTAINABILITY

INSTITUSI

AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI (ACIS),
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

